

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN BOLING PADANG
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI & WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut **World Bowls** serta **Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM atau Bowls Malaysia)**.
- 1.2 Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 1.3.2 Sebarang perselisihan faham mengenai teknikal akan diputuskan berasaskan kepada undang-undang **Law of Lawn Bowls Crystal Mark Fourth Edition**.
- 1.4 Semua keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Boling Padang Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1 Pertandingan ini akan bermula pada **11 hingga 17 Oktober 2025 (TBC)**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN :

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di **Gelanggang Lawn Bowls, Kompleks Sukan Tawau**.

4.0 PENYERTAAN

- 4.1 Setiap Pasukan Daerah hanya boleh mendaftarkan satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita terdiri daripada:

Jawatan	Lelaki	Wanita
Pengurus Pasukan	1 orang	-
Jurulatih	1 orang	1 orang
Peserta	6 orang	6 orang
Jumlah	8 orang	7 orang

5.0 KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

- 5.1 Hanya peserta yang lahir pada tahun **2005 hingga 2013 (12 hingga 20 Tahun)** sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Passport semasa pendaftaran peserta.

- 5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi **Borang Y** (Pertukaran Atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 5.4 Bagi atlet yang berada di Sekolah Sukan Bukit Jalil (Kuala Lumpur), Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (Johor), Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Sabah, mereka dikehendaki mewakili daerah masing-masing.
- 5.5 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.
- 5.6 Penggantian boleh dilakukan selepas 1 jam atau 9 ends tetapi Pengganti tidak dibenarkan bermain "skip". Dan akan dikira sebagai pemain tetap setelah bermain di dua permainan.
- 5.7 **Jurulatih Boling Padang setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

6.0 MESYUARAT/TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 6.1 Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.
- 6.2 Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta bersama-sama dengan Kad Pengenalan. *** **Pertukaran acara dan Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.**
- 6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Selepas Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan, sebarang permohonan pertukaran/gantian peserta tidak dibenarkan.

7.0 JADUAL AM PERTANDINGAN

- 7.1 Semua acara pertandingan dijalankan serentak empat (4) sesi tiap-tiap hari dengan jadual yang berikut:

7.15 pagi hingga 9.15 pagi
9.30 pagi hingga 11.30 pagi
1.30 petang hingga 3.30 petang
3.45 petang hingga 5.45 petang

- 7.2 Setiap perlawanan akan berlangsung sama ada mengikut masa atau hingga waktu perolehan ends oleh mana-mana pemain/pasukan mengikut mana yang terdahulu seperti berikut:

	Disiplin	Ends	Masa
7.2.1	Singles	21 Shots	1 Jam 30 minit
7.2.2	Pairs	15 Ends	1 Jam 30 minit
7.2.3	Triples	15 Ends	1 Jam 30 minit
7.2.4	Fours	15 Ends	1 Jam 30 minit

- 7.3 Apabila hon dibunyikan bagi tempoh 1 jam 30 minit itu, end yang sedang berjalan akan dihabiskan jika jack telah digolek.

- 7.4 *Score Card* akan diedarkan kepada para pemain oleh Pengadil lima (5) minit sebelum perlawanan dimulakan.
- 7.5 *Trial End* tidak dibenarkan.
- 7.6 Semua perlawanan akan dijalankan apabila hon dibunyikan tepat pada jadualnya.
- 7.7 Mana-mana pasukan yang masih belum bersedia bermain setelah hon permulaan dibunyikan, pihak lawan boleh menuntut 'end' pertama dengan bilangan 1 shot dan tambahan 1 shot setiap 5 minit seterusnya (maksimum 7 shot). Contoh: Pertandingan bermula 0700-1 shot, 0705-1 shot, 0710-1 shot. Selepas 0715 pasukan lawan diberi kemenangan percuma dengan 2 mata dan "average shot" sebanyak 7 shot.
- 7.8 Jika mana-mana pemain/pasukan memberi kemenangan percuma dua kali dalam sepanjang pertandingan, pemain/pasukan tersebut akan dianggap menarik diri dan semua keputusan perlawanannya akan dimansuhkan. Hal ini akan dibawa kepada pihak PLBM/PBPNS untuk tindakan seterusnya.

8.0 ACARA PERTANDINGAN

- 8.1 Acara yang akan dipertandingkan di Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025, adalah seperti berikut:
 - 8.1.1 Singles Lelaki
 - 8.1.2 Singles Wanita
 - 8.1.3 Pairs Lelaki
 - 8.1.4 Pairs Wanita
 - 8.1.5 Triples Lelaki
 - 8.1.6 Triples Wanita
 - 8.1.7 Fours Lelaki
 - 8.1.8 Fours Wanita

9.0 PAKAIAN PESERTA

- 9.1 Setiap peserta/pemain dibenarkan memakai baju/jersi berkolar berwarna seragam pasukan. Baju 'round neck' **tidak dibenarkan** sama sekali.
- 9.2 Pemain/peserta dibenarkan memakai seluar slack, seluar track panjang berwarna seragam pasukan.
- 9.3 Hanya kasut lawn bowls yang tidak bertumit dibenarkan.
- 9.4 Tali pinggang yang berwarna **putih, hitam, coklat** sahaja dibenarkan.

10.0 PERALATAN

- 10.1 Semua Pengurus Pasukan dikehendaki mendaftarkan 'Bowls' peserta-peserta semasa Mesyuarat/Taklimat Pengurus Pasukan.

11.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 11.1 Sebanyak empat (4) acara untuk peserta lelaki dan empat (4) acara untuk peserta wanita akan dipertandingkan, iaitu :

- 11.1.1 Singles.
Lelaki/Wanita **21 Shots** atau **1 Jam 30 minit**, yang mana terdahulu. (**4 Bowls** setiap pemain),
- 11.1.2 Pairs.
Lelaki/Wanita **15 Ends** atau **1 Jam 30 minit**, yang mana terdahulu. (**3 Bowls** setiap pemain),
- 11.1.3 Triples.
Lelaki/Wanita **15 Ends** atau **1 jam 30 minit**, yang mana terdahulu. (**2 Bowls** setiap pemain),
- 11.1.4 Fours.
Lelaki/Wanita **15 Ends** atau **1 jam 30 minit**, yang mana terdahulu. (**2 Bowls** setiap pemain),
- 11.1.5 Bahagian Lelaki.
Dua (2) Pasukan yang teratas (2 Kumpulan) akan memasuki peringkat Separuh Akhir.
- 11.1.6 Bahagian Wanita.
Dua (2) Pasukan yang teratas (2 Kumpulan) akan memasuki peringkat Separuh Akhir.
- 11.1.7 Pihak Pengelola berhak menukar bilangan "**shots**" dan "**ends**" yang perlu dimainkan apabila keadaan cuaca memaksa pindaan dibuat.

11.2 Acara-acara yang dipertandingkan adalah:

- 11.2.1 Perseorangan (Singles)
- 11.2.2 Regu berdua (Pairs)
- 11.2.3 Regu bertiga (Triples)
- 11.2.4 Regu berempat (Fours)

11.3 Perlawanan pusingan pertama adalah secara liga dalam kumpulan. Pemberian mata adalah seperti berikut:

Menang	Seri	Kalah
2 Mata	1 Mata	0 Mata

11.4 Semasa perlawanan liga dalam kumpulan, keputusan untuk pemenang dalam kumpulan akan ditentukan mengikut keutamaan berikut:

- 11.4.1 Pasukan yang mempunyai mata yang paling banyak sekali adalah dianggap sebagai Johan kumpulan.
- 11.4.2 Jika pungutan mata juga sama, maka pemain/pasukan yang memperolehi "**margin set**" yang terbanyak akan dikira pemenang.
- 11.4.3 Jika kedudukan masih juga sama, maka pemain/pasukan yang memperolehi perbezaan "**set for**" yang terbanyak akan menjadi pemenang.
- 11.4.4 Jika kedudukan juga masih sama, maka pemain/pasukan yang memenangi antara kedua-duanya akan dikira pemenang.

12.0 WAKTU LATIHAN

- 12.1 Masa latihan akan ditentukan oleh pihak Penganjur. Semua pasukan diminta mematuhi waktu yang ditetapkan oleh Penganjur. Masa latihan akan tamat pada jam 4.00 petang sehari sebelum pertandingan dimulakan.
- 12.2 Mana-mana pasukan yang ingin menggunakan padang selain daripada yang telah ditetapkan oleh pihak Penganjur hendaklah mendapat kebenaran dari pihak Penganjur terlebih dahulu.

13.0 PERTANDINGAN YANG TERTUNDA

- 13.1 Jika perlawanan tertunda/diberhentikan sementara disebabkan cuaca buruk atau terdapat halangan yang tidak dapat dielakkan, maka pihak Penganjur akan menentukan corak pertandingan seterusnya, berdasarkan kepada perkara tersebut:
 - 13.1.1 Jika tempoh masa perlawanan tertunda/diberhentikan sementara itu melebihi 45 minit maka perlawanan tersebut dianggap tidak dapat diteruskan sama sekali.
 - 13.1.2 Jika tempoh masa perlawanan tertunda/diberhentikan sementara itu kurang daripada 45 minit dan jadual masa sebenar perlawanan (1 jam 30 minit) untuk sesi berkenaan masih belum tamat maka perlawanan tersebut boleh disambung semula untuk tempoh masa yang masih tinggal.
 - 13.1.2 Jika sesuatu perlawanan tidak dapat diteruskan sama sekali, maka pihak Penganjur boleh memutuskan kemenangan berdasarkan kedudukan terakhir sebelum permainan diberhentikan tanpa mengambil kira END atau masa perlawanan yang telah dijalankan.

14.0 WAKTU SEMBAHYANG/SOLAT

- 14.1 Pertandingan akan dihentikan buat seketika apabila suara azan dikumandangkan dan permainan akan disambung semula setelah selesai suara azan.

15.0 PENGADIL/UMPIRES

- 15.1 Pengurus Pertandingan, Ketua Pengadil dan Delegat Teknikal akan dilantik oleh Persekutuan Lawn Bowls Malaysia yang akan berhubung terus dengan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah.
- 15.2 Semua keputusan Pengadil dalam setiap pertandingan adalah muktamad.

16.0 BANTAHAN

- 16.1 Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Jurulatih boleh mengambil alih tugas ini jika Pengurus Pasukan tidak bersama pasukan ketika itu. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang cengkeram

sebanyak **RM 200.00**. Wang cengkeram akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar. Jika bantahan diterima, wang cengkeram akan dikembalikan.

- 16.2 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.
- 16.3 Jawatankuasa Bantahan akan dipengerusikan oleh Pengarah Pertandingan, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola/Wakil dan tiga orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan tersebut.
- 16.4 Jawatankuasa Bantahan menentukan samada peserta tersebut layak memenangi pingat atau tidak apabila keputusan bantahan telah dibuat.

17.0 TATATERTIB

- 17.1 Semua peserta dikehendaki menjaga tatatertib dan tatasusila permainan Lawn Bowls.
- 17.2 Sebarang bantahan hendaklah mengikut saluran dan dilarang mengambil tindakan secara bersendirian dan melulu.
- 17.3 Sebarang tingkah laku dan perbuatan yang melanggar tatasusila permainan ini hendaklah dilaporkan kepada Jawatankuasa Tatatertib melalui Umpires yang bertugas secara bertulis.
- 17.4 Jawatankuasa Tatatertib dipengerusikan oleh Pengerusi Tatatertib Persatuan Boling Padang Negeri Sabah. Laporan tatatertib akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Boling Padang Sabah dan tindakan tatatertib adalah di bawah budi bicara Jawatankuasa ini.

18.0 TATATERTIB PERTANDINGAN

- 18.1 Apabila seseorang pemain menguasai Mat, pemain lawan lain hendaklah sekurang-kurangnya berada 2 meter di belakang garis Mat sehingga bowl itu berhenti.
- 18.2 Pemain boleh mengikut bowl pertama dan kedua setakat 5 meter sahaja dan harus berada di belakang Head ketika bowl itu berhenti.
- 18.3 Pemain boleh mengikut bowl ketiga dan atau bowl terakhir ke tempat Head dan harus berada di belakang Head ketika bowl tersebut berhenti.
- 18.4 Pemain tidak dibenarkan melengah-lengahkan masa semasa bermain bowl dan semasa menukar End.
- 18.5 Penalti:
 - 18.5.1 Jika pelanggaran peraturan 18.0 telah dikenal pastikan selepas sesuatu rayuan oleh pihak Pengelola, Pengurus Pasukan atau pihak lawan, Pengadil hendaklah memberikan amaran kepada pemain tersebut.
 - 18.5.2 Sekiranya seseorang pemain telah memberi amaran dan terus melanggar peraturan yang sama, End yang berkenaan akan diisytiharkan tamat oleh Ketua Pengadil dan pemain lawan akan diberi kemenangan *End* tersebut dengan

bilangan *shot* sama banyak bowls lawan yang telah dimainkan di kawasan *Head*.

18.5.3 Jika pemain yang sama terus melakukan kesalahan untuk kali ketiga dalam sesuatu permainan, permainan itu akan dihentikan oleh Ketua Pengadil dan diberi kemenangan permainan kepada pihak lawan dengan bilangan *shot* 7 berbalas 0.

18.5.4 Jika pemain yang sama melakukan kesalahan yang sama dalam permainan lain sehingga kalah, pemain ini akan diisytiharkan keluar dari pertandingan dan semua keputusan yang telah dijalankan akan dimansuhkan. Kes ini akan dibawa kepada pihak PLBM untuk tindakan seterusnya.

19.0 HADIAH-HADIAH

19.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:

19.1.1 Kategori Lelaki:

Bil	Acara	Emas	Perak	Gangsa
1	Singles	1 (1)	1 (1)	2 (2)
2	Pairs	1 (3)	1 (3)	2 (6)
3	Triples	1 (4)	1 (4)	2 (8)
4	Fours	1 (5)	1 (5)	2 (10)
Jumlah		4 (13)	4 (13)	8 (26)

19.1.2 Kategori Wanita:

Bil	Acara	Emas	Perak	Gangsa
1	Singles	1 (1)	1 (1)	2 (2)
2	Pairs	1 (3)	1 (4)	2 (6)
3	Triples	1 (4)	1 (4)	2 (8)
4	Fours	1 (5)	1 (5)	2 (10)
Jumlah		4 (13)	4 (13)	8 (26)

19.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap 14.3**.

20.0 LAIN-LAIN HAL

20.1 Jawatankuasa Teknikal berhak meminda mana-mana perkara dalam peraturan ini untuk tujuan melicinkan perjalanan pertandingan.